

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

SURAT SETUJUTERIMA TENDER

Rujukan: (10) dlm. JKR.UB.123/KA.05/296
(SULIT)

Pejabat Ketua Pengarah
Kerja Raya Malaysia
Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Tarikh: 29 Mac, 1994.

MTD Construction Sdn. Bhd.
Lot 8359, Mukim of Batu
Batu 8, Jalan Batu Caves
68100 Batu Caves
Selangor



Tuan

Tender untuk Memperelokkan Jalan Ipoh-Lumut Package 3B: Menglembu Ke Jelapang, Perak Darul Ridzuan

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Tender tuan bagi kerja-kerja tersebut di atas berharga Ringgit Malaysia Enam Puluh Juta Lapan Ratus Empat Puluh Enam Ribu Empat Ratus Dua Puluh Satu dan Sen Enam Puluh Lapan sahaja iaitu RM 60,846,421.68 telah disetujuterima, tertakluk kepada had, syarat dan janji dalam Dokumen Tender dan juga syarat-syarat tambahan yang menjadi asas Tender ini dan juga kepada surat ini.

2. Persetujuan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

a) Professional Indemnity

Tuan tidak lagi dikehendaki mengemukakan 'Professional Guarantee' untuk 'Dynamic Consolidation Works' sejumlah RM 388,080.00 (iaitu 10% nilai 'dynamic consolidation works' Item 2.10.2 di mukasurat BQ 2/3-1 dalam Senarai Kuantiti) bagi tempoh 7 tahun kepada Kerajaan. Walaubagaimana pun kos perbelanjaan yang terlibat untuk mendapatkan 'Professional Indemnity' tersebut akan ditolak dari Harga Kontrak. Dengan itu fasal PA 13.1.3 di mukasurat SPA 80 dalam Penentuan Kerja (Specification) adalah dibatalkan.

b) Pelan untuk 'Ground Treatment Works'

Tuan dikehendaki melaksanakan 'Ground Treatment Works' berdasarkan rekabentuk yang akan disediakan oleh Pegawai Penguasa. Pelan untuk 'Ground Treatment Works' akan disediakan dan dikemukakan kepada tuan dalam tempoh enam (6) minggu selepas 'Soil Investigation Report' dikemukakan oleh tuan kepada Pegawai Penguasa. Oleh yang demikian, kos perbelanjaan yang terlibat untuk melantik seorang pakar menjalankan rekabentuk 'ground treatment works' akan ditolak dari Harga Kontrak. Dengan itu perkataan-perkataan 'design and' dalam fasal PA 13.1.3 baris kedua di mukasurat SPA 80 dalam Penentuan Kerja adalah dibatalkan.

3. Tuan akan dikehendaki melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. Bagaimanapun, sehinggalah Perjanjian Kontrak yang formal itu dilaksanakan, Tender tuan berserta Surat Setujuterima Tender ini akan menjadi kontrak mengikat yang sah di antara tuan dan Kerajaan.

4. Tuan akan diberitahu bila Dokumen Kontrak siap sedia untuk ditandatangani oleh tuan. Bagaimanapun, sebelum Dokumen Kontrak ditandatangani, harga dan kadarharga dalam Senarai Kuantiti hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa tentang kemunasabahnannya tetapi Jumlah Harga Kontrak seperti yang tersebut di atas hendaklah tetap tidak berubah.

5. Saya suka menarik perhatian tuan kepada Syarat-syarat Membuat Tender yang menyatakan bahawa sebagai syarat-syarat sebelum memulakan Kerja-kerja itu, tuan adalah dikehendaki menyerahkan kepada Kerajaan atau Pegawai Penguasa perkara-perkara berikut:-

- a) Bon Perlaksanaan sebanyak RM 3,042,321.08 (merupakan 5% daripada Harga Kontrak) dalam bentuk Gerenti Bank atau Insurans yang diluluskan;
- b) Polisi Insurans untuk Kerja yang meliputi kesemua perkara yang dinyatakan dalam Fasal 36 Syarat-syarat Kontrak mengikut nilai Harga Kontrak;
- c) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) dengan nilai insurans tidak kurang daripada RM 200,000.00 bagi satu-satu kemalangan atau siri kemalangan berbangkit dari satu-satu kejadian, bilangan kemalangan tidak terhad;
- d) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) dan

- e) Polisi Insurans Pampasan Pekerja berjumlah tidak kurang daripada RM 6,044,642.17 (merupakan anggaran jumlah pendapatan daripada pekerja-pekerja Kontraktor yang tidak termasuk di bawah Skim PERKESO).

Dengan syarat bahawa bagi memulakan Kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Bon Perlaksanaan dan Nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai Penguasa.

6. Bagaimanapun tuan dikehendaki menyerahkan Polisi Insurans untuk Kerja-Kerja dan segala polisi insurans lain yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan 5 di atas, sebelum melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal.

7. Tarikh Milik Tapakbina, seperti yang disebut dalam Syarat-Syarat Kontrak, ialah pada 13.4.94 tetapi tiada apa-apa kerja dibawah Kontrak ini boleh dimulakan kecuali dan sehingga tuan mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah perenggan 5 Surat ini.

8. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang ditenderkan selama 135 minggu, Tarikh Siap untuk seluruh Kerja-kerja di bawah Kontrak ini ialah 12.11.96

9. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua salinan. Sila kembalikan salinan Asal yang telah ditandatangani oleh tuan dan disaksikan dengan sempurna di ruang yang berkenaan ke pejabat ini dan simpan salinannya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



.....
(TAN SRI DATO' IR. WAN A. RAHMAN YAACOB)
Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia
Untuk dan bagi pihak Kerajaan

s.k. Ketua Setiausaha
Perbendaharaan Malaysia
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan
Tingkat 4, Blok 9
Karung Berkunci No. 11044
50990 Kuala Lumpur

" Ketua Setiausaha
Bahagian Pembangunan
Kementerian Kerja Raya
Kuala Lumpur

- s.k. Ketua Setiausaha
Bahagian Kewangan dan Akaun
Kementerian Kerja Raya
Kuala Lumpur
- " Akauntan Perbendaharaan
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur
- " Pengarah Perancangan
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur
- " Pengarah Cawangan Jalan
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur
- " Pengarah Cawangan Kontrak & Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur
(U/P: Unit Pembangunan)
- " Pengarah JKR
Negeri Perak Darul Ridzuan
- " Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Perusahaan Awam
Tingkat 15 & 16, Bangunan Medan Mara
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
- " Ketua Setiausaha) Sila berhubung
Kementerian Belia dan Sukan) dengan kontraktor
(U/P: Pengarah Belia)) tersebut untuk
) maklumat berkenaan
- " Pengarah Hal Ehwal Sumber Manusia) bilangan pekerja
Jabatan Sumber Manusia) yang akan diambil
Negeri Perak Darul Ridzuan) berkerja
- " Pengarah
Jabatan Hasil Dalam Negeri
Blok 11, Tingkat 15, Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta
50600 Kuala Lumpur
- " Penolong Pengarah Kanan
Pusat Komputer
Tingkat 16
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur
- " Pengurus Pejabat Tempatan
Pertubuhan Keselamatan Sosial
61B & C, 63B & C, Medan Kidd
30200 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

Rujukan Tuan: (10) dlm. JKR:UB.123/KA.05/296 (SULIT)

Tarikh: 1994

Ketua Pengarah Kerja Raya
(Cawangan Jalan) Tingkat 15
Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur (U/P: Juruukur Bahan)

**Memperelokkan Jalan Ipoh-Lumut Package 3B: Menglembu Ke Jelapang,
Perak Darul Ridzuan**

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengaku penerimaan surat di atas dan mengesahkan persetujuan kami kepada semua had, syarat-syarat dan stipulasi yang terkandung di dalamnya. Seperti yang dikehendaki, salinan asal yang telah ditandatangani, bertarikh dan disaksikan, dengan ini dikembalikan kepada tuan dan satu salinannya telah disimpan oleh kami.

Mohd Fauzi
.....
(Tandatangan Kontraktor)

Nama Penuh: **MOHD FAUZI AB HAMID**

Atas sifat: **Pengurus Besar**

Yang diberikuasa dengan
sempurnanya untuk menanda-
tangani untuk dan bagi pihak:



.....
Meteri atau Cap Kontraktor

Tarikh: 31-3-96

Liang Kai Chong
.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh: **LIANG KAI CHONG**

No. K/P: **6407267**

Pekerjaan: **CONTRACTS MANAGER**

Alamat:

.. **MTD CONSTRUCTION SDN BHD** ..
Lot 8359, Mukim of Batu, Batu 8,
.. **Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves,** ..
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-6899022
Fax: 03-6874800, 6899024

Tarikh: 31-3-96

**SURAT PENERIMAAN TAWARAN JABATAN KERJA RAYA
KHAS UNTUK BUMIPUTRA**


MTD Construction Sdn. Bhd.
Lot 8359, Mukim of Batu
Batu 8, Jalan Batu Caves
68100 Batu Caves
Selangor

Tuan

**Tender untuk Memperelokkan Jalan Ipoh-Lumut Package 3B: Menglembu
Ke Jelapang, Perak Darul Ridzuan**


1. Adalah dimaklumkan iaitu tawaran bagi pekerjaan seperti yang disebutkan di atas telah pun dipelawakan khas kepada kontraktor BUMIPUTERA SAHAJA. Tawaran tuan yang bernilai RM60,846,421.68 itu telah pun diterima dengan syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Setujuterima dan juga syarat-syarat seperti yang disebutkan di bawah ini.
 - i) Sekurang-kurangnya 51% daripada modal/saham dalam perniagaan itu mestilah dipunyai oleh Bumiputera.
 - ii) Sekurang-kurangnya 51% dari segi pengurusan perniagaan itu mestilah terdiri dari Bumiputera.
 - iii) Sekurang-kurangnya 51% daripada semua pekerja-pekerja (dari semua peringkat iaitu buruh, tukang kayu, mason dan lain-lain lagi) yang akan digunakan untuk menjalankan pekerjaan di atas mestilah terdiri daripada Bumiputera.

2. Surat ini akan dijadikan satu daripada Dokumen Kontrak dan dihantar dengan dua (2) salinan. Sila kembalikan satu salinan ke pejabat ini setelah menandatangani dan tandatangan itu hendaklah disaksikan oleh saksi seperti di tempat-tempat yang dinyatakan di bawah ini.



.....
(TAN SRI DATO' IR. WAN A. RAHMAN YAACOB)
Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur

Kami yang manandatangani di bawah ini mengaku penerimaan Surat Penerimaan Tawaran Khas untuk Bumiputera dan bersetuju mematuhi segala syarat-syarat seperti yang disebutkan di atas.



.....
(KONTRAKTOR)



.....
(SAKSI)

Alamat: **MTD CONSTRUCTION SDN BHD**
Lot 8359, Mukim of Batu, Batu 8,
..... Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves,
..... Selangor Darul Ehsan.
..... Tel: 03-6899022
..... Fax: 03-6874800, 6899024
.....

Alamat: **MTD CONSTRUCTION SDN BHD**
Lot 8359, Mukim of Batu, Batu 8,
..... Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves,
..... Selangor Darul Ehsan.
..... Tel: 03-6899022
..... Fax: 03-6874800, 6899024
.....